

30 AUG 1997

MCA-Ling

MCA BERSIAP KE ABAD BARU, KATA PRESIDEN MCA

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- MCA sebagai sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN) bersedia untuk memainkan peranan yang lebih dinamik dan relevan dalam agenda kerajaan dalam menghadapi perubahan ketika negara menuju ke abad baru, kata presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Sejajar dengan itu, beliau berkata MCA akan memberi penekanan besar kepada bidang pendidikan khususnya mengembangkan Kolej Tunku Abdul Rahman bagi memenuhi permintaan bagi tempat pengajian yang semakin meningkat.

Dr Ling berkata keputusan MCA mengembangkan kampus cawangan di Pulau Pinang, Johor, Perak dan Pahang membuktikan sokongan kuat MCA terhadap dasar kerajaan untuk memperluaskan peluang pendidikan di negara ini.

"Jika Malaysia ingin mengekalkan daya saing sebagai sebuah negara perindustrian, kita bukan sahaja patut menambah pelajar-pelajar untuk menerima pendidikan tinggi tetapi pelajar kita perlu mencari ilmu pengetahuan di bidang-bidang baru," kata ketika berucap pada mesyuarat agung tahunan MCA yang ke 44 di Wisma MCA di sini hari ini.

Dr Ling berkata MCA juga terlibat dalam pelbagai program dan aktiviti secara meluas untuk memastikan peralihan yang licin dan lancar semasa Malaysia menuju ke era teknologi maklumat.

Dalam hal ini, MCA akan terus membantu sebanyak mungkin sekolah di luar bandar untuk memperolehi komputer melalui kempen pendermaan komputer yang dilancarkan oleh parti itu Mac lepas.

Dalam konteks yang lebih meluas, beliau berkata MCA turut memberi perhatian terhadap masalah sosial yang semakin serius di kalangan generasi muda seperti budaya lepak dan penyalahgunaan dadah.

Beliau mengajak anggota parti menghayati kembali nilai-nilai tradisi Timur dan sejagat yang masih relevan di zaman ini seperti disiplin, kejujuran dan sifat penyayang.

Menurutnya MCA telah melancarkan pelbagai program untuk menyemai nilai-nilai yang baik di kalangan generasi muda seperti menghormati orang tua, hari keluarga dan yang terbaru, kempen menghormati guru.

Dr Ling berkata MCA akan memberi tumpuan untuk membaiki kedudukan kaum wanita dalam parti agak agihan peluang dan jawatan menjadi lebih adil.

Mengenai perjuangan MCA hampir 48 tahun, beliau berkata ia adalah hasil perjuangan bekas pemimpin yang mempunyai kebijaksanaan, dedikasi dan pandangan jauh dalam menentukan arah tuju yang sesuai untuk masyarakat Cina dalam proses pembangunan Negara.

Dr Ling berkata Malaysia bernasib baik kerana di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membuat persiapan dan memperolehi bimbingan yang perlu dalam melangkah ke abad yang baru khususnya dalam menghadapi perubahan ekonomi, pendidikan dan institusi sosial.

"Beliau telah berjaya menyusun semula taraf sosial, ekonomi dan politik negara dalam satu masa yang singkat serta mewujudkan satu sistem pentabdiran yang menjadi contoh kepada negara-negara membangun," katanya.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata MCA berdiri teguh di belakang kerajaan dalam usaha menghadapi kegiatan kumpulan spekulasi mata wang seperti George Soros.

Lebih 1500 perwakilan dan pemerhati menghadiri mesyuarat sehari itu.

Yang turut hadir ialah presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu, presiden Gerkan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan bekas pemimpin MCA seperti Tun Omar Ong Yoke Lin, Tan Sri Lee San Choon, Tan Koon Swan, Datuk Dr Neo Yee Pan

dan Datuk Lee Kim Sai. -- BERNAMA  
RV WAT